

TOKOH PAS NAFI UMNO SAMBUK ASRI

KOTA BAHARU, Khamis — Naib Yang Dipertua PAS kawasan Nilam Puri di sini, Haji Abdul Hamid Salleh, hari ini menafikan UMNO mendalangi majlis sambutan Datuk Haji Asri Haji Muda pada 18 November lalu.

Bellau menafi sekeras-kerasnya UMNO terlibat dalam majlis tersebut seperti didakwa oleh Ketua Penerangan PAS Pusat itu dalam surat siaran Pejabat Agung PAS baru-baru ini.

"Kami di Kelantan tahu, UMNO tidak terlibat," jelasnya.

Haji Abdul Hamid kesal dengan sikap Encik Nakhale yang menurutnya, sengaja mengheret UMNO ke dalam krisis PAS sekarang walaupun perkara itu tidak benar sama sekali.

"Adakah bellau mempunyai hubungan erat dengan UMNO atau pun Encik Nakhale tersasul," soalnya.

Ditanya apa maksud "Encik Nakhale mempunyai hubungan rapat dengan UMNO," Haji Ahmad berkata, Encik Nakhale baru sahaja menyertai PAS selepas menang pilihanraya umum 1978.

"Sebelum itu, bellau ahli UMNO dan menganggotai Biro Agama Pemuda UMNO," kata Haji Abdul Hamid.

Tuduhan

Bellau tidak mahu menearangkan lebih lanjut tetapi menegaskan, Encik Nakhale akan faham sendiri apa yang bellau maksudkan.

Dalam surat siaran Pejabat Agung PAS itu, Ketua Penerangan PAS menuduh penyokong-penyokong Datuk Haji Asri tidak mempunyai pendirian sendiri.

Katanya, Encik Nakhale juga menuduh orang-orang seperti Encik Mohd Fakaruddin, Haji Wan

Ismail Ibrahim dan Haji Nik Mustapha Shafie menganggotakan masa depan politik mereka kepada bekas Yang Dipertua Agung PAS itu.

Tambahnya, tuduhan itu pernah dibuat oleh musuh PAS untuk melumpuhkan parti itu, sejak Encik Nakhale masih lagi anggota UMNO.

"Sekarang bellau pula yang mencanangkan modal itu setelah dalam PAS, dengan berselindung di sebalik jawatan barunya sebagai Ketua Penerangan PAS Pusat."

Katanya, ini menunjukkan Encik Nakhale menggunakan kedudukannya untuk menghasut dan mencaci orang-orang yang tidak digemarinya secara halus melalui surat siaran Pejabat Agung PAS.

Kata Haji Abdul Hamid, surat siaran itu bukanlah bertujuan mencari perdamaian dan perpaduan ahli-ahli PAS seperti yang diharapkan.